



MAJLIS ISLAM SARAWAK

NEWSLETTER

MAJLIS ISLAM SARAWAK

EDISI JUN/2025



**MAJLIS
KESYUKURAN
AIDILADHA
MAJLIS ISLAM
SARAWAK 2025**

**MESYUARAT
AGENSI-AGENSI
ISLAM MAJLIS
ISLAM SARAWAK
BIL.2/2025**

**SAMBUTAN MA'AL
HIJRAH PERINGKAT
NEGERI SARAWAK**

+6082-507251

<https://mis.sarawak.gov.my>



MESYUARAT AGENSI-AGENSI ISLAM MAJLIS ISLAM SARAWAK BIL.2/2025

KUCHING, 16 Julai – Mesyuarat Agensi-agensi Islam Bil.2 untuk tahun 2025 telah diadakan pada Jumaat bersamaan 20 Jun lepas bertempat di Persada Majma', Aras 17, Majma' Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah, Jalan P.Ramlee, Kuching.

Mesyuarat penting ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Penyelaras Projek untuk Agensi Pembangunan Wilayah, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Hal Ehwal Islam).

Antara agenda utama yang dibincangkan termasuklah pembentangan laporan serta perancangan program dan aktiviti yang dijadualkan dari Jun hingga Disember 2025. Selain itu, agensi-agensi terlibat turut membentangkan Pelan Strategik Jabatan serta Agensi masing-masing. Pelan-pelan ini diselaraskan dengan Pelan Strategik Majlis Islam Sarawak, berpandukan kepada Pelan Strategik Pembangunan Ummah (PSPU). Mesyuarat juga membincangkan laporan berkaitan Pelan Pembangunan Modal Insan bagi Jabatan dan Agensi di bawah Majlis Islam Sarawak.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut adalah Yang Di-pertua Majlis Islam Sarawak, Datuk Haji Misnu bin Haji Taha serta ketua-ketua agensi di bawah Majlis Islam Sarawak.



MAJLIS KESYUKURAN AIDILADHA MAJLIS ISLAM SARAWAK 2025


KUCHING, 7 Jun: Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar, bersama Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg, telah menghadiri Majlis Kesyukuran Aidiladha anjuran Majlis Islam Sarawak bagi tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi. Acara tersebut berlangsung meriah di Masjid Jamek Negeri Sarawak.

Turut memeriahkan majlis adalah Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Fadillah Yusof, ditemani isteri beliau, Datin Sri Ruziah Mohd Tahir.

Majlis dimulakan dengan laungan takbir raya, sebelum Tun Dr. Wan Junaidi, Abang Johari, dan Fadillah menyertai lebih 3,000 jemaah menunaikan solat sunat Aidiladha. Solat tersebut diimamkan oleh Imam Besar Sarawak, Dato Mustapha Kamal Ahmad Fauzi.

Selesai solat, majlis diteruskan dengan upacara simbolik penyembelihan korban yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Jabatan Mufti Sarawak, Wan Shaifudin Wan Madihi.

Hadir sama memeriahkan majlis ialah Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, YBhg. Datuk Haji Misnu bin Haji Taha, serta barisan kepimpinan negeri dan ketua-ketua jabatan yang lain.





SAMBUTAN MA'AL HIJRAH PERINGKAT NEGERI SARAWAK

BINTULU, 26 Jun: Bahagian Bintulu telah dipilih menjadi tuan rumah bagi Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Negeri Sarawak bagi Tahun 1447 Hijrah/2025 Masihi. Acara dua hari ini, yang bermula pada 26 Jun dan berakhir 27 Jun, mencapai kemuncaknya dengan Majlis Perhimpunan Sambutan Ma'al Hijrah di Dewan Suarah Bintulu.


Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, telah berkenan merasmikan Majlis Perhimpunan Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Sarawak Tahun 1447H/2025M. Selesai perasmian, beliau turut menyempurnakan upacara pengurniaan Anugerah Ma'al Hijrah 1447H.

Seramai 17 individu terpilih menerima anugerah berprestij ini sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan atas sumbangan bermakna mereka dalam pelbagai bidang. Sumbangan ini telah mengangkat martabat ummah di Sarawak.

Dengan mengangkat tema 'Ummah Maju Makmur', sambutan Ma'al Hijrah kali ini bukan sekadar mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan ummah, tetapi juga menyemai pembangunan rohani yang berterusan dalam masyarakat Islam di Sarawak. Kejayaan penganjuran program ini diharapkan dapat menjadi pencetus kepada lebih banyak inisiatif ke arah kemajuan dan kemakmuran bersama di negeri ini.





WAJAH-WAJAH TOKOH PENERIMA ANUGERAH MAAL HIJRAH 2025





MAJLIS ISLAM SARAWAK



IMBAS KOD QR UNTUK MENDAPATKAN E-BULETIN
ASSALAM MAJLIS ISLAM SARAWAK EDARAN TAHUN 2024:

IMBAS
KOD QR:

